

# Firma tersenarai dan amanah papar trend ketelusan, tadbir urus yang baik

SYARIKAT tersenarai dan amanah (trusts) mengukuhkan pernyataan kemampuan, ketelusan dan tadbir urus korporat mereka tahun ini, menurut tinjauan indeks baru yang dikeluarkan semalam.

Indeks Tadbir Urus dan Ketelusan Singapura 2022 menunjukkan bahawa markah bertambah baik merentas dua kategori, mencapai paras tinggi baru sejak indeks itu kali pertama disusun pada 2009.

Kategori umum menyenaraikan 489 firma tersenarai manakala kategori amanah perniagaan dan amanah pelaburan hartanah (Reit) mengkaji 44 amanah.

Markah purata dalam kategori umum naik kepada 70.6 mata, berbanding 68.7 tahun lalu. Ia juga merupakan kali pertama markah itu melepasi 70 mata.

Syarikat diberi markah berdasarkan pernyataan dan amalan tadbir urus korporat mereka, serta ketepatan masa, aksesibiliti dan ketelusan keputusan kewangan mereka.

Indeks itu adalah hasil kajian tahunan yang dijalankan oleh CPA Australia, Pusat Tadbir Urus dan Kemahiran Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS), dan Institut Pengarah Singapura.

Indeks Tadbir Urus dan Ketelusan Singapura 2022 itu didedahkan di satu acara hibrid yang diadakan di Pejabat CPA Australia di Raffles Place serta dalam talian.

Presiden CPA Australia divisyen Singapura, berkata:

“*Trend* positif dalam dapatan tahun ini menunjukkan usaha membanggakan syarikat dalam perjalanan mencapai ketelusan dan tadbir urus yang baik.

“Sedang perniagaan memulakan pemulihan mereka daripada pergolakan yang disebabkan oleh pandemik global, banyak cabaran baru menambatkan kerumitan yang ketara dalam mengurus perniagaan.

“Dalam konteks ini, kepimpinan dan tadbir urus yang baik – dengan tumpuan kepada akauntabiliti, ketelusan dan kemampuan – akan kekal sebagai asas kepada prestasi perniagaan mampan jangka panjang.”

Pengendali darat dan katerer Sats mendapat markah terbaik dalam kategori umum buat tahun ketiga berturut-turut, manakala Ascott Residence Trust menduduki tempat teratas dalam kategori Reit dan amanah perniagaan untuk kali kedua berturut-turut.